

14/01/1999

Pemaju boleh teruskan kempen

Ahmad Ghazali Musa

KUALA LUMPUR, Rabu - Pemaju perumahan dibenar meneruskan Kempen Pemilikan Rumah di peringkat syarikat masing-masing walaupun kerajaan memutuskan tidak akan melanjutkan kempen itu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata syarikat pemaju perumahan boleh terus memberi pelbagai insentif kepada pembeli seperti menawarkan rumah pada harga potongan dan menanggung duti setem.

"Walaupun kerajaan memutuskan kempen tidak dilanjutkan, syarikat swasta dan pemaju boleh mengambil inisiatif sendiri.

"Ada syarikat sudah melanjutkan insentif dengan memberi potongan harga, menawarkan pelbagai kemudahan lain seperti yuran perundangan dan kesanggupan menanggung kos duti setem.

"Ia dilakukan bagi memastikan hartanah mereka terjual," katanya di sini, hari ini.

Kempen Pemilikan Rumah yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 12 Disember lalu berakhir semalam. Ia dianjurkan HDAM dan bank tempatan, hasil idea kerajaan yang diperakukan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Sebelum ini, ada cadangan supaya kempen itu dilanjutkan jika mendapat sambutan baik pembeli dan pemaju.

HDAM kini mengumpulkan data akhir mengenai kejayaan kempen itu. Sehingga 6 Januari lalu, unit hartanah bernilai antara RM2.5 bilion hingga RM3 bilion sudah dijual menerusi kempen itu. Unjuran jualan keseluruhan menerusi kempen itu ialah RM6 bilion.

Dr Ting berkata, kerajaan akan terus menyokong syarikat yang berhasrat meneruskan kempen itu dengan memberi publisiti serta maklumat yang membolehkan orang ramai mengetahui kedudukan hartanah untuk membuat pilihan.

Mengenai sambutan kempen sebulan itu, Dr Ting berkata walaupun belum menerima laporan terperinci daripada HDAM, beliau difahamkan sambutan menggalakkan.

"Penjualan hartanah cukup laris terutama yang berharga RM250,000 ke bawah. Saya difahamkan penjualan hartanah sepanjang kempen itu dianggarkan bernilai RM3 bilion.

"Keadaan ini memberi nafas baru kepada industri perumahan dan pembinaan kerana sudah ada tanda-tanda orang ramai mulai yakin terhadap industri hartanah," katanya.

Beliau berkata, kementerian akan mendapatkan laporan lengkap daripada HDAM yang kini mengumpul data terperinci daripada syarikat pemaju, bank dan institusi kewangan yang menyertai kempen itu.

(END)